

23/03/2001

MBM akan laksana program cintakan negara di 50 sekolah

PETALING JAYA, Khamis - Majlis Belia Malaysia (MBM) akan menjalankan program patriotisme di 50 sekolah tahun ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Pelajar MBM, Mohd Po'ad Jelani.

Beliau berkata, sekolah itu akan dipilih berdasarkan pelbagai kriteria, termasuk terletak di kawasan terpinggir, memerlukan pembelaan dan bermasalah terutama dari segi disiplin dan infrastruktur.

"MBM menjalin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi mendapatkan maklumat dan mengenalpasti sekolah yang memerlukan pembelaan dan bantuan.

"Buat masa ini, hanya 10 sekolah di Lembah Klang dikenal pasti untuk menjalani program itu," katanya selepas Program Susulan Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Datuk Harun di sini, hari ini. Hadir sama, Pengetua sekolah berkenaan, Mohd Ashraf Mansoor Hussain.

Po'ad berkata, program itu dirancang bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan belia dan pelajar yang menjadi tunjang masyarakat akan datang.

"Program ini adalah aktiviti susulan Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"MBM mengambil inisiatif menganjurkan program susulan Semarak Patriotisme bagi menyemai perasaan muhibah secara berterusan selain memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara," katanya.

Beliau berkata, belia dan pelajar akan diberi pendedahan mengenai persoalan kewarganegaraan yang menjadi tunjang pembentukan perpaduan masyarakat.

Katanya, sekolah adalah institusi paling sesuai menyemai semangat patriotisme, malah kegiatan kokurikulum boleh dipraktikkan dengan membabitkan pelajar pelbagai kaum.

"Sebagai contoh, semangat bergotong-royong, sukan, pasukan pakaian seragam dan persatuan boleh membantu mewujudkan suasana harmoni.

"Selain itu, pelajar akan lebih peka terhadap sensitiviti kaum lain serta memudahkan mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat selepas meninggalkan alam persekolahan," katanya.

Beliau berkata, persekitaran yang tidak terurus juga menyumbang masalah sosial.

(END)